

PENERANGAN INFOGRAFIK

RINGKASAN KESELURUHAN

1. Infografik ini menunjukkan ringkasan keseluruhan bagi Laporan Ketua Audit Negara Penyata Kewangan dan Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2020. Laporan ini mengandungi perkara berikut:

Bahagian I : Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan
Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2020

Bahagian II : Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan Tahun 2020

1.1. Pengesahan Penyata Kewangan Agensi Persekutuan

- a. Jabatan Audit Negara perlu menjalankan pengauditan penyata kewangan terhadap 147 Agensi Persekutuan bagi tahun kewangan 2020. Setakat 31 Disember 2021, sebanyak 140 penyata kewangan telah selesai diaudit dan dikeluarkan Sijil Ketua Audit Negara manakala tujuh penyata kewangan dalam proses pengauditan.
- b. Daripada 140 penyata kewangan tersebut, 109 penyata kewangan telah diberikan Sijil Ketua Audit Negara dengan Pendapat Tanpa Teguran, 14 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Tanpa Teguran dengan Penegasan Perkara dan 17 penyata kewangan telah diberikan Pendapat Berteguran.
- c. Sebanyak 110 Agensi Persekutuan menerima pakai Malaysian Public Sector Accounting Standards (MPSAS), 19 Agensi Persekutuan menerima pakai Malaysian Private Entities Reporting Standard (MPERS) manakala 18 Agensi Persekutuan menerima pakai Malaysian Financial Reporting Standards (MFRS) dalam penyediaan penyata kewangan bagi tahun kewangan 2020.

1.2. Pengauditan Pematuhan Agensi Persekutuan

- a. Pengauditan Pematuhan telah dilaksanakan terhadap lima Agensi Persekutuan melibatkan lima tajuk dengan jumlah semakan Audit RM1,529.52 juta. Semakan Audit dibahagikan kepada dua kategori seperti berikut:

i. Bayaran - RM1,509.67 juta

- Pemulangan Caruman Kerajaan dan Penggunaan Dividen Atas Caruman Kerajaan, Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) berjumlah RM1,295.65 juta.
- Bayaran Program Insentif Hasil Tangkapan Nelayan, Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) berjumlah RM205.15 juta.

- Bayaran Projek Agriculture Intelligence System Fasa 1, Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berjumlah RM8.87 juta.

ii. Hasil - RM19.85 juta

- Kutipan Hasil Sewa Beli Projek Perumahan Tradisional, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) berjumlah RM17.79 juta.
- Kutipan fi Pendaftaran Pengguna Data, Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi (PPDP) berjumlah RM2.06 juta.

b. Ketidakpatuhan terhadap pengurusan kewangan telah menyebabkan berlaku isu pembayaran tidak teratur, kerugian wang awam dan pembaziran berjumlah RM1,319.08 juta seperti berikut:

- i. Pembayaran Tidak Teratur berjumlah RM1,298.76 juta seperti berikut:
 - **LTAT:** caruman Kerajaan tidak dipulangkan kepada Kumpulan Wang Disatukan berjumlah RM695.06 juta;
 - **LTAT:** bayaran dividen tahun 2018 hingga 2020 berjumlah RM600.59 juta menggunakan dividen atas caruman Kerajaan tidak mematuhi Akta 101;
 - **LKIM:** Skim Subsidi Diesel dan Petrol berjumlah RM2.12 juta diberi kepada pemilik vesel yang tidak mengisytiharkan hasil tangkapan ikan;
 - **LKIM:** bayaran RM0.02 juta Elaun Sara Hidup Nelayan kepada nelayan yang telah meninggal dunia;
 - **LKIM:** bayaran Insentif Pendaratan Ikan berjumlah RM0.02 juta kepada nelayan yang telah meninggal dunia; dan
 - **MARDI:** bayaran dibuat di luar tempoh kontrak berjumlah RM0.95 juta.
- ii. Kerugian Wang Awam berjumlah RM11.45 juta seperti berikut:
 - **PPDP:** fi pendaftaran pengguna data tidak dikutip berjumlah RM8.96 juta;
 - **KEDA:** tiada tindakan penguatkuasaan terhadap sewa tertunggak sehingga 31 Disember 2020 berjumlah RM1.79 juta;
 - **KEDA:** cukai tanah dan insurans belum dikutip berjumlah RM0.19 juta; dan
 - **MARDI:** pengurangan denda lewat berjumlah RM0.51 juta.
- iii. **MARDI:** Pembaziran berjumlah RM8.87 juta disebabkan Projek Agriculture Intelligence System Fasa 1 tidak digunakan sepenuhnya sejak bulan November 2020.

2. Keseluruhan syor yang diberikan oleh Ketua Audit Negara kepada Agensi Persekutuan adalah 19 syor, iaitu 3 syor bagi pengesahan penyata kewangan dan 16 syor bagi pengauditan pematuhan.